

07/06/1997

Negara pertama buat kenderaan elektrik

Karim Sulaiman in Surrey

SURREY, Jumaat - Malaysia akan menjadi negara pertama mengeluarkan kenderaan berkuasa elektrik secara besar-besaran untuk pasaran dalam negara dan eksport, melalui gabungan kepakaran teknologi syarikat tempatan dan asing.

Projek itu dijalankan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), usaha sama antara Tenaga Nasional Berhad (TNB), Frazer-Nash, Composite Automotive Research (CAR) dan Tan Sri Basir Ismail.

Sebuah lagi syarikat tempatan yang membina badan komposit kenderaan itu akan dijemput menyertai POEM.

TNB yang mempunyai saham terbesar menjadi penggerak utama projek ini dengan bantuan kepakaran Frazer-Nash, syarikat Penyelidikan dan Pembangunan (R & D) elektronik Britain dan CAR, syarikat tempatan yang menjalankan kerja R & D dalam industri automotif.

Ketika ini, TNB mempunyai 50 peratus kepentingan dalam usaha sama itu, manakala Frazer-Nash sebanyak 40 peratus dan selebihnya dipegang oleh dua pelabur lain. Modal permulaan ialah RM10 juta.

Rancangan mengeluarkan kenderaan elektrik buatan Malaysia itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Pusat Penyelidikan Frazer-Nash di Mychett, kira-kira 50 kilometer dari sini, semalam.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir memandu uji kereta elektrik `Solar Baby' dan `City Car' serta go-kart, golf buggy dan motosikal elektrik.

Beliau yang berpuas hati selepas memandu uji kenderaan itu, yakin ia mempunyai potensi dan pasaran baik. "Kenderaan ini mempunyai pasaran baik, bukan saja di Malaysia, malah di luar negara," katanya.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri turut menyaksikan penggunaan al-Quran dan tasbih elektronik serta mesin pengira Hijrah yang dikeluarkan oleh Frazer-Nash.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali; Basir, Pengerusi Frazer-Nash, Kamal Siddiqi dan Pengerusi CAR, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Sementara itu, Tajuddin berkata, pemasangan kereta `solar baby', go kart dan golf buggy akan dimulakan bulan depan di Universiti TNB, Bangi. Kereta bandar raya pula akan dikeluarkan pertengahan tahun depan, diikuti motosikal elektrik.

"Pada peringkat awal kita menggunakan kepakaran Frazer-Nash dan melalui pemindahan teknologi, kenderaan itu diharap dapat dihasilkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia," katanya.

Projek mengeluarkan kenderaan mesra alam tanpa pencemaran udara dan bunyi itu, selain menerima bantuan kerajaan, mendapat sokongan Program Agenda Sidang Bumi 21.

(END)